

BAHAGIAN
1

PEMAHAMAN

TEMA **1**

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

PRAKTIS

1

Baca petikan di bawah dengan intonasi yang betul. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Catatan Sue Ann Sebelum ke Sekolah

Pada pukul 6.00 pagi, jam meja berbunyi. Sue Ann segera bangun. Sebelum ke bilik air, dia akan mengemas katil terlebih dahulu. Dia mengamalkan sikap berdikari kerana sudah berusia 13 tahun.

Ketika mandi, Sue Ann akan membersihkan badan dengan sabun dan mensyampu rambutnya. Dia mahu tubuhnya dalam keadaan bersih. Selepas itu, dia akan menggosok gigi. Sue Ann memakai uniform sekolah yang lengkap. Rambutnya dibubuh minyak sebelum disisir rapi. Kemudian, dia memakai minyak wangi.

Sue Ann bersarapan bersama-sama ayah dan ibu. Sue Ann akan memakan buah dan roti bakar. Air minumannya pula segelas susu. Sue Ann mengutamakan pemakanan seimbang supaya tubuhnya sihat dan otaknya cerdas.

Kereta Proton Persona milik ayah Sue Ann meninggalkan pekarangan rumah menuju ke sekolah. Sue Ann berpeluang berbual-bual dengan ayahnya sepanjang perjalanan. Apabila hampir tempat yang dituju, terlihat kereta begitu banyak. Ayah memberhentikan kereta berhampiran pintu utama sekolah. Sebelum keluar dari kereta, Sue Ann mencium pipi ayahnya.

Sue Ann melangkah masuk ke pekarangan sekolah. Hatinya penuh semangat memulakan sesi persekolahan baharu. Dia tidak sabar untuk masuk ke Tingkatan Peralihan Intelek dan bertemu dengan kawan-kawan baharu.

Sue Ann bersarapan mee goreng, dan segelas susu.

Ayah Sue Ann yang menghantar Sue Ann ke sekolah.

Selepas bangun dari tidur, Sue Ann mandi.

Selepas bangun dari tidur, Sue Ann mengemas katil.

Nenek Sue Ann yang menghantar Sue Ann ke sekolah.

Sue Ann memakai pakaian uniform sekolah yang lengkap.

Sue Ann memakai pakaian kasual yang cantik.

Sue Ann bersarapan buah, roti bakar, dan segelas susu.

Sue Ann datang awal ke sekolah.

1 Apakah yang dilakukan oleh Sue Ann setelah bangun daripada tidur?

2 Nyatakan sarapan yang diambil oleh Sue Ann.

3 Siapakah yang menghantar Sue Ann ke sekolah?

4 Sue Ann dianggap murid yang berdisiplin.

Berikan **dua** contoh yang membuktikan Sue Ann seorang yang berdisiplin. **KRAT**

(a)

(b)

2021.06.22 00:0